



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

SIARAN MEDIA

JPA TAWAR 640 SLOT PENAJAAN LEPASAN SPM 2026, PERKUKUH PEMBANGUNAN BAKAT NEGARA

PUTRAJAYA, 19 JUN 2026 – Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) hari ini mengumumkan penawaran **Penajaan Lepas Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun 2026** sebagai sebahagian daripada usaha berterusan memperkukuh pembangunan bakat negara, selaras dengan aspirasi Kerajaan MADANI untuk melahirkan modal insan berprestasi tinggi yang mampu memacu kemajuan dan daya saing negara pada masa hadapan.

Melalui penawaran penajaan ini, JPA komited memastikan pelajar cemerlang negara terus mendapat akses kepada pendidikan berkualiti di institusi pengajian tinggi terkemuka dalam dan luar negara. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan JPA untuk membangunkan bakat negara dalam bidang strategik dan kritikal yang diperlukan bagi menyokong agenda pembangunan nasional.

Bagi tahun 2026, JPA menawarkan sebanyak **640 slot penajaan** kepada pelajar cemerlang lepasan SPM melalui **empat (4) program utama** berikut:

- **Program Penajaan Nasional (PPN)** – 30 slot;
- **Program Khas Lepas SPM Dalam Negara (LSPM)** – 200 slot;
- **Program Khas Jepun, Korea, Perancis dan Jerman (JKPJ)** – 140 slot;
dan
- **Program Khas JPA-MARA (PKJM)** – 270 slot.

Penajaan yang ditawarkan meliputi pelbagai bidang strategik dan kritikal termasuk kejuruteraan, sains dan teknologi serta sains sosial. Melalui program-program ini, pelajar berpeluang melanjutkan pengajian di institusi pendidikan terkemuka di dalam dan luar negara seperti Amerika Syarikat, Australia, Jepun, Korea, Perancis, Jerman, United Kingdom dan New Zealand, selain institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan.

Calon yang telah mengemukakan permohonan boleh membuat semakan keputusan penajaan secara dalam talian mulai **19 Jun 2026 (Jumaat), jam**

10.00 pagi hingga 22 Jun 2026 (Isnin), jam 5.00 petang melalui sistem yang disediakan oleh JPA.

Semua pelajar yang berjaya menerima tawaran Penajaan Lepas SPM Tahun 2026 akan menerima penajaan di bawah **Pinjaman Boleh Ubah Berasaskan Merit Akademik (PBUA)** yang telah diperkenalkan oleh JPA pada Jun 2025. Pelaksanaan PBUA mencerminkan komitmen JPA dalam mengiktiraf kecemerlangan akademik serta mendorong penerima penajaan untuk terus mencapai prestasi terbaik sepanjang tempoh pengajian.

JPA mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pelajar yang berjaya menerima tawaran penajaan tahun 2026. Kejayaan ini merupakan pengiktirafan terhadap usaha dan kecemerlangan yang telah ditunjukkan. JPA berharap penajaan yang diberikan akan menjadi pemangkin kepada pembentukan generasi profesional dan pemimpin masa depan yang berilmu, berintegriti serta mampu menyumbang kepada kemajuan negara.

####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 19 Jun 2026
E-mel : komunikasi@jpa.gov.my
No. Rujukan : JPA.100-9/1/2 Jld.3 (44)